

**Praktis****3**

Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

1. \_\_\_\_\_ buka kotak ini apabila loceng dibunyikan.

2. \_\_\_\_\_ kemaskan ruang tamu yang bersepah itu.

3. \_\_\_\_\_ kamu lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan UPSR.

4. \_\_\_\_\_ suka menyalahkan orang lain atas perkara buruk yang menimpa diri sendiri.

5. \_\_\_\_\_ bantuan orang dewasa untuk memotong kayu itu dengan gergaji.

6. \_\_\_\_\_ hadir ke majlis perkahwinan kakak saya pada minggu hadapan.

Harap

Sila

Jangan

Jemput

Tolong

Minta

**Praktis****4**

Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

1. (Tolong / Harap / Sila) beritahu Johari bahawa saya menunggunya di sini.
2. (Minta / Sila / Usah) hantar borang penyertaan itu kepada guru sebelum hari Khamis.
3. (Jemput / Harap / Jangan) suka mengejek orang lain sedangkan kita sendiri tidak sempurna.
4. (Usah / Jemput / Harap) berdukacita andai kamu tidak berjaya dalam temu duga itu.
5. (Jangan / Minta / Tolong) abang dan adik selesaikan kerja sekolah mereka sebelum tidur.
6. (Sila / Harap / Jangan) ayah tidak marah akan keputusan saya untuk bertukar sekolah.
7. (Minta / Usah / Sila) kemukakan soalan apabila penceramah selesai memberi ceramah.
8. (Jemput / Harap / Tolong) alihkan kenderaan yang menghalang laluan di hadapan bangunan.
9. (Tolong / Jangan / Minta) bertindak terburu-buru sebelum berfikir baik dan buruknya.
10. (Harap / Jemput / Sila) Salina akan memenangi peraduan mengarang yang disertaiya itu.